



PANDANGAN MAZHAB FIQH DALAM KES BATAL WUDUK APABILA BERSENTUH ANTARA LELAKI DAN WANITA BUKAN MAHRAM SEMASA TAWAF: SATU ANALISIS

Anisah Ab. Ghani*

ABSTRACT

The study discusses views of scholars of the four main Islamic jurisprudence schools, their juristic reasoning and each school's preferred (*rājiḥ*) view on the nullity of ablution as a result of skin-to-skin contact between *ajnabī* (lawfully eligible for marriage) male and female. The study shows that the preferred view of Maliki and Hanbali Schools and the minority view within Shafie School is the most juristically sound. The view holds that skin-to-skin contact between *ajnabī* male and female with no inducement of sexual passion (*syahwat*) does not result in nullification of an ablution. In addition, the study suggests that this juristic view should carry more practical relevancy for Shafie School adherents in the context of pilgrimage (*hajj*), particularly in performing *tawāf*.

Kata kunci: *Fiqh al-`Ibādah*, *Mazhab Fiqh*, *Abblution Nullified/broken of abblution*, *Tawaf*

Keywords: reforms, Islamic family law, patriarchy traditions, marriage, divorce.

* Associate Professor at Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, email: anisah_apium@um.edu.my.





MUKADIMAH

Dalam tempoh yang sudah agak lama isu batal wuduk apabila berlaku persentuhan kulit tanpa alas silang jantina *ajnabi* masih menjadi pertikaian. Ia disebabkan oleh rasa kurang selesa pengikut Mazhab Syāfi‘ī untuk mengamalkan pendapat mazhab lain. Keadaan ini sepatutnya tidak berlaku kerana syariat Islam telah menerima ijtihad yang secara logik akan menatijahkan perbezaan pendapat dalam satu kes dan seterusnya telah mewujudkan pelbagai mazhab. Namun demikian, pada akhirnya perbezaan pendapat mazhab ini memungkinkan umat Islam memilih dan mengamalkan mana-mana pendapat berdasarkan ‘hujah yang paling kuat atau pendapat yang paling mampu menyelesaikan masalah’, kerana terikat dengan satu mazhab dalam semua keadaan bercanggah dengan maslahat manusia, sedangkan hukum-hukum Islam disyariatkan bagi tujuan memelihara maslahat manusia (الدين مصلحة). Maslahat manusia hanya akan terjamin apabila sesuatu hukum dapat menolak mudarat dan menjana maslahat (دفع المضر وجلب المصالح).

Selain itu, Islam juga telah mensyariatkan *azīmah* dan *rukhsah* dalam melaksanakan hukum Allah. *Rukhsah* adalah keringanan yang diberikan dalam keadaan *darūrah*, *masyaqqah* atau *hājah*. *Azīmah* pula ialah satu kemestian melaksanakan hukum dalam apa keadaan sekalipun.¹ Pelaksanaan Islam yang sempurna mestilah mengambil *azīmah* dan *rukhsah* pada waktunya. Melaksanakan *azīmah* atau *rukhsah* dalam semua keadaan bukan menunjukkan pelaksanaan Islam yang sempurna. Ya`la bin Umayyah menyatakan;

Rukhsah itu sedekah Allah, umat Islam diminta menerima sedekah Allah. Yakni mengamalkan *rukhsah* pada tempatnya.²

Penulisan ini akan menghuraikan isu ini dan berusaha membuat *tarjīh* setelah membuat pertimbangan ke atas hujah semua pendapat. *Tarjīh* dibuat berdasarkan kekuatan hujah dan pertimbangan maslahah dan keperluan, terutama bagi mereka yang mengerjakan tawaf, haji atau umrah.

¹ `Abd al-Karīm Zaydan (1993), *Al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*. Kaherah: Dār al-Tawzī` wa al-Nasyr al-Islāmiyah, hh. 49-50.

² Muslim (t.t.), *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Kitāb Ṣalāt al-Musāfirīn wa Qaṣruhā*, no. hadis 1573.





PENDAPAT ULAMA'

Para ulama' pelbagai mazhab sebenarnya tidak sepakat dalam menyatakan hukum batal wuduk apabila lelaki dan wanita *ajnabi* bersentuhan kulit tanpa alas. Perbezaan pandangan ini berpunca daripada perbezaan cara *istinbāt* mereka terhadap nas-nas berkaitan isu ini. Nas-nas berkaitan ialah:

1. Firman Allah:

أَوْ لَمْسْتُ النِّسَاءَ

“Atau kamu bersentuh dengan perempuan”
Surah al-Nisā’ (4):43

2. Hadis riwayat Mu’ādh bin Jabal:

أَتَى النَّبِيُّ (ص) رَجُلٌ فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا تَقُولُ فِي رَجُلٍ لَقِيَ اِمْرَأَةً يَعْرِفُهَا فَلَيْسَ يَأْتِي الرَّجُلُ مِنْ اِمْرَأَهُ شَيْئًا إِلَّا قَدْ أَتَاهُ مِنْهَا غَيْرُ اِنْهِ لَمْ يَجِدْهَا، قَالَ: فَأَنْزَلَ اللَّهُ هَذِهِ الْآيَةَ : وَأَقِمِ الصَّلَاةَ طَرْفِ النَّهَارِ.....الْآيَةُ، فَقَالَ لِهِ النَّبِيُّ (ص) تَوْضِيْحًا ثُمَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

“Seorang lelaki datang menemui Nabi s.a.w lalu berkata: Wahai Rasulullah, apa pandangan kamu tentang seorang lelaki berjumpa dengan wanita yang dikenalinya, dia telah melakukan sesuatu yang sepatutnya dilakukan lelaki terhadap wanita kecuali menyebuhinya. Allah pun menurunkan ayat: ‘Dirikanlah solat itu pada kedua-dua tepi siang (pagi dan petang)...’ Rasulullah bersabda: Hendaklah kamu berwudhuk dan solatlah.”³

³ Al-Dār Quṭnī ‘Alī bin ‘Umar (1993), Sunan al-Dār Quṭnī. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turth al-‘Arabī, j. 1, h. 134.



3. Hadis riwayat `Āisyah:

إِنْ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ (صَ) لِيَصْلِي وَإِنْ لَمْ تَرَضْهُ بَيْنَ يَدِيهِ اعْتَرَاضٌ
الجَنَازَةَ حَتَّى إِذَا أَرَادَ أَنْ يُوْتَرْ مَسْنَى بِرِجْلِهِ

“Ketika Rasulullah s.a.w hendak bersolat, aku terbaring dihadapannya seperti berbaringnya jenazah sehingga apabila Baginda solat witir kaki Baginda bersentuhan dengan aku.”⁴

4. Hadis riwayat Bukhārī dan Muslim membawa maksud yang sama dengan lafaz berlainan:

فَإِذَا سَجَدَ غَمْزَنِي فَقَبَضَتْ رِجْلِي فَإِذَا قَامَ بِسْطَتْهُمَا

“Apabila Rasulullah sujud, dia menolak dan aku menarik kakiku, apabila Baginda bangun semula aku melunjurkan kedua-dua kakiku.”⁵

5. Hadis riwayat Abū Dāwud dan Nasā'ī:

أَنَّ النَّبِيَّ (صَ) كَانَ يَقْبِلُ بَعْضَ أَزْوَاجِهِ ثُمَّ يَصْلِي وَلَا يَتَوَضَّأُ

“Sesungguhnya Nabi s.a.w mengucup sesetengah isterinya kemudian solat tanpa berwudhu.”⁶

⁴ Al-Nasā'ī, Abū `Abd al-Rahmān bin Syu`ayb (1964), Sunan al-Nasā'ī. Kaherah: Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, j. 1, hh. 85-86.

⁵ Al-Bukhārī (t.t.), Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Bāb Mā Yajūzu min al-`Amal, no. hadis 513.

⁶ Al-Nasā'ī (1964), op.cit, hh. 85-86.





Pendapat Pertama

Mazhab Mālik, pandangan Imam Alḥmad yang masyhur dan salah satu pandangan Imam Abū Ḥanīfah menyatakan bahawa bersentuh kulit antara lelaki dan wanita tanpa alas adalah membatalkan wuduk sekiranya disertai dengan syahwat. Tidak batal jika tidak disertai syahwat.⁷

Jalan hujah pandangan pertama ini ialah:

1. Perkataan أَوْ لَا مُسْتَمِنُ النِّسَاءُ لَمْ يَسْتَمِنْ yang terdapat dalam firman Allah bermaksud *mubāsyarah* tanpa jimak. Sekalipun dalam ayat ini tidak dinyatakan sentuhan bernafsu atau tidak, namun ia telah dinyatakan dalam hadis riwayat Mu`ādh di atas.
2. Hadis riwayat `Āisyah, Bukhārī dan Muslim yang menceritakan `Āisyah berbaring melintangi Rasulullah yang sedang solat menunjukkan bahawa sentuhan tanpa syahwat tidak membatalkan wuduk.
3. Hadis riwayat Abū Dāwud dan al-Nasā'ī yang menyatakan Rasulullah mengucup sesetengah isterinya dan terus melakukan solat tanpa mengambil wuduk sekali lagi menunjukkan sentuhan tanpa alas dan tanpa syahwat tidak membatalkan wuduk.

Pendapat Kedua

Mazhab Syāfi`ī dan salah satu pandangan mazhab Imam Alḥmad menyatakan persentuhan antara lelaki dan wanita tanpa alas membatalkan wuduk secara mutlak sekiranya kedua pihak telah baligh dan pasangan *ajnabī*. Maksud mutlak ialah sentuhan dengan syahwat atau tidak.⁸

Jalan hujah pandangan kedua ini ialah:

1. Nas al-Quran berkaitan isu ini أَوْ لَا مُسْتَمِنُ النِّسَاءُ التَّيْمِنُ tidak membezakan antara syahwat dan bukan syahwat, sengaja atau tersalah, mahram atau kanak-kanak, kecuali hadis riwayat Abū Qatādah yang menyatakan Baginda mendukung Umāmah semasa solat. Hadis ini menunjukkan tidak batal wuduk dengan menyentuh kanak-kanak dan mahram.

⁷ Wahbah al-Zuhaylī (1985), al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu. Damsyik: Dār al-Fikr, j. 1, hh. 274-277. Lihat juga al-Kasnānī, `Alā al-Dīn Abī Bakr bin Mas`ūd (1997), *Badā'ī al-Ṣanā'ī fī Tartīb al-Syarā'ī*. Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyah, j. 1, hh. 244-247.

⁸ Al-Zuhaylī (1985), op.cit. Lihat juga Abū Iṣhāq al-Syirazī (1992), *Al-Muhaḍhdhab*. Damsyik: Dār al-Qalam, j.1, h. 98.



2. Bagi pendapat kedua ini, hadis Mu`adh yang menyatakan Rasulullah s.a.w. mengarahkan lelaki terbabit mengambil wuduk, telah tidak meminta penjelasan daripada lelaki tersebut apakah sentuhan itu dengan syahwat atau tidak. Ini menunjukkan sentuhan mutlak, dengan syahwat atau tidak adalah membatalkan wuduk.
3. Pendapat kedua ini juga berpendapat hadis-hadis yang menunjukkan Baginda mengucup sesetengah isterinya kemudian solat dengan tanpa wuduk adalah hadis *da`īf* dan *mursal*.
4. Bagi pendapat kedua ini juga, hadis yang menyatakan `Āisyah melintangi Rasulullah yang sedang solat dan Baginda menyentuh kakinya diandaikan sentuhan secara beralas atau ianya khusus bagi Rasulullah s.a.w. sahaja.⁹

Inilah pendapat yang masyhur dalam Mazhab Syāfi`ī. Namun demikian, mengikut apa yang diriwayatkan Imam al-Rāfi`ī daripada al-Hannatī bahawa Ibn Surayj berpendapat sentuhan yang membatal wuduk ialah sentuhan yang disertai syahwat, al-Hannatī mengatakan bahawa ungkapan ini adalah dari Imam Syāfi`ī sendiri. Bahkan terdapat pandangan sebahagian ulama' Syāfi`ī seperti al-Fawrānī dan Imam al-Ḥaramayn yang menyatakan bahawa wuduk hanya akan terbatal akibat persentuhan yang dilakukan dengan niat dan *qaṣad*. Penulis *al-Majmū'* membuat komentar bahawa pandangan di atas adalah *syadhdh* dan *da`īf*.¹⁰

Pendapat Ketiga

Mazhab al-Zāhirī berpendapat bahawa wuduk akan terbatal akibat persentuhan yang sengaja secara mutlak, dengan syahwat atau tidak, berlaku antara pasangan *ajnabī* atau mahram.¹¹

Hujah pendapat ketiga ini ialah ayat yang sama. Jalan hujahnya ialah: bahawa persentuhan اللِّمَسْةُ adalah perbuatan yang sengaja dilakukan oleh dua pihak lelaki dan perempuan secara mutlak, dengan syahwat atau tidak.

⁹ Ibid.

¹⁰ Al-Nawawī, Abū Zakariyā Mahyu al-Dīn bin Syaraf (1995), *Kitāb al-Majmū'* *Syarah al-Muhadhdhab*. Kaherah: Dār al-Iḥyā' al-Turth Al-`Arabī, j. 2, h. 29.

¹¹ Ibn Ḥazm (t.t.), *al-Muḥallā*. Kaherah: Maktabah Dār al-Turth, j. 1, hh. 244-249.





Bagi pendapat ini, perbuatan sengaja menyentuh diambil kira sebagai asas batal wuduk kerana firman Allah dalam surah al-Ahzāb ayat 5 **وَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جَنَاحٌ فِيمَا أَخْطَأْتُمْ بِهِ وَلَكُمْ مَا تَعْمَدُتُ قَلْوبُكُمْ**. Ayat ini umum menunjukkan bahawa apa sahaja yang dilakukan dengan sengaja adalah diambil kira, termasuklah sentuhan sengaja lelaki dan perempuan dalam kes wuduk.

Pandangan Keempat

Imam Muḥammad bin Ḥasan al-Sayybānī dan satu pandangan lain daripada Imam Aḥmad bin Ḥanbal berpendapat bahawa persentuhan lelaki dan perempuan secara mutlak antara lelaki dan perempuan tidak membatalkan wuduk. Wuduk hanya batal dengan melakukan jimak.

Pendapat ini didasarkan:

1. Bahawa perkataan **لامس** dalam ayat berkaitan isu ini menunjukkan jimak, seperti yang ditafsirkan Ibn ‘Abbās¹² Semua hadis-hadis berkaitan isu ini; kucup, tolak dengan kaki dan sentuh tapak kaki dengan tangan semuanya menunjukkan berlaku persentuhan. Sekiranya perbuatan-perbuatan ini membatalkan wuduk tentulah Rasulullah tidak meneruskan solat tanpa berwuduk setelah berlaku persentuhan. Perbuatan melakukan solat tanpa berwuduk semula selepas berlaku kucup dan meneruskan solat selepas berlaku sentuhan adalah bukti bahawa sentuhan tanpa jimak tidak membatalkan wuduk. Sekaligus perbuatan-perbuatan ini menjadi *qarīnah* yang memindahkan pengertian hakiki perkataan **ملامسة** kepada jimak. Ini dikuatkan lagi oleh penafsiran Ibn ‘Abbās ke atas ayat ini yang mengatakan **ملامسة** dalam ayat ini bermaksud jimak.

Rumusan pendapat-pendapat ulama' dalam kes ini ialah:

1. Batal wuduk jika berlaku persentuhan lelaki dan perempuan *ajnabi* yang disertai syahwat. Tidak batal dengan persentuhan tanpa syahwat.
2. Batal wuduk jika berlaku persentuhan secara mutlak, dengan syahwat atau tidak.
3. Batal wuduk dengan sentuhan yang dilakukan dengan sengaja. Tidak batal jika sentuhan berlaku dengan tidak sengaja.

¹² Al-Qurṭubī, Abū ‘Abdullah Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī (1967), *al-Jāmi’ī li-Aḥkām al-Qur’ān*. Beirut: Dār al-Kitāb al-Lubnāniyah, j. 5, h. 225.



4. Batal wuduk apabila berlaku persetubuhan sahaja. Sentuhan tanpa syahwat atau tidak, tanpa jimak tidak membatalkan wuduk.

KESIMPULAN

Kajian ini merumuskan bahawa pendapat yang *rājiḥ* dan sesuai diamalkan, terutama oleh mereka yang melakukan tawaf, haji atau umrah ialah pendapat pertama dan pendapat *marjūḥ* Mazhab Syāfi‘ī yang mengatakan batal wuduk jika berlaku sentuhan dengan syahwat. Tidak batal dengan sentuhan mutlak. Pendapat ini menjadi pilihan berdasarkan hal-hal berikut:

1. Pendapat Paling Sederhana.

Pendapat pertama ini merupakan pendapat paling sederhana di antara keempat-empat pendapat yang telah dikemukakan. Ia tidak terlalu sukar seperti pendapat kedua dan tidak terlalu mudah seperti pendapat keempat. Inilah pendapat yang dinukil al-Syawkānī, penulis kitab *al-Muntaqā*. Bagi penulis *al-Muntaqā*, pendapat ini dapat menghimpun dan mengamalkan semua hadis-hadis berkaitan isu ini.

2. Dalam Mazhab Syāfi‘ī pun Ada Yang Berpendapat Demikian.

Selain daripada alasan di atas, dalam Mazhab Syāfi‘ī sendiripun ada pendapat yang mengatakan tidak batal wuduk dengan persentuhan mutlak. Wuduk hanya batal jika berlaku persentuhan yang disertai syahwat seperti yang telah dikemukakan di atas. Walaupun pendapat ini dianggap *marjūḥ* dan *da’if* dalam Mazhab Syāfi‘ī, ia masih sesuai untuk dipilih kerana pendapat ini lebih menjana maslahat kepada mereka yang melakukan tawaf dan dapat menghindarkan *masyaqqaḥ* daripada mereka.

3. Pendapat Paling Tepat Dengan *Maqāṣid Syarīah*.

Ungkapan مصلحة الدين yang bermaksud bahawa hukum Allah akan berada bersama maslahat manusia. Maslahat manusia adalah menjadi *maqāṣid syarīah* yang menjadi alasan kenapa hukum-hukum syariat itu ditasyri‘kan. Oleh kerana pendapat pertama ini merupakan pendapat yang paling dekat dengan *maqāṣid syarīah*; iaitu menjana maslahat dan menolak *masyaqqaḥ* daripada mereka yang mengerjakan tawaf, maka pendapat ini sepatutnya menjadi pilihan.





4. Terikat Dengan Satu Mazhab Bukan Pendirian Yang Sihat.

Masalah *far'iyyah zanniyyah* adalah masalah *ijtihādiyyah*. Ijtihad membenarkan berlaku berbeza pendapat dalam satu kes. *Ikhtilāf* ini bukan sesuatu yang negatif, tetapi positif. Umat Islam bebas memilih mana-mana pendapat *ijtihādiyyah* atas alasan ia pendapat paling kuat atau ia pendapat paling membawa maslahat, sekalipun ia pendapat *marjūh*, kerana prinsip مصلحة الدين. Menerima pendapat selain dari Mazhab Syāfi'ī dan pendapat *marjūh* dalam isu ini adalah pendirian yang bersesuaian dengan semangat syariat. Sebaliknya, terikat dengan Mazhab Syāfi'ī sahaja adalah pendirian yang tidak sihat kerana ia bertentangan dengan prinsip maslahah dan tidak menepati tuntutan *Fiqh al-Awlāiyat* dan *Fiqh al-Muwāzānah*.

5. Pendapat Yang Memenuhi Tuntutan Mengamalkan *Rūkhṣāh* dan *Azīmah*.

Kesempurnaan pengamalan hukum syarak ialah dengan melaksanakan *rukhsah* dan *azīmah* pada tempatnya. Dari satu sudut, berpindah dari pendapat Mazhab Syāfi'ī yang *rājiḥ* dalam isu ini kepada mazhab lain dan pendapat Syāfi'īyyah yang *marjūh* merupakan *rukhsah*. Hadis Rasulullah juga menggalakkan umat Islam mengamalkan *rukhsah*.



RUJUKAN

- ‘Abd al-Karīm Zaydan (1965), *Al-Madkhal li-Dirāsat al-Syarīah al-Islāmiyah*. Baghdad: Maṭba`ah al-‘Ayn.
- ‘Abd al-Karīm Zaydan (1993), *Al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*. Kaherah: Dār al-Tawzī` wa al-Nasyr al-Islāmiyah.
- ‘Umar Sulaymān al-Asyqar (1996), *al-Madkhal ilā Dirāsat al-Madāris wa al-Madhāhib al-Fiqhīyah*. Jordan: Dār al-Nafā’is.
- Abū Ishaq al-Syirazī (1992), *Al-Muhadhdhab*. Damsyik: Dār al-Qalam.
- Al-Bukhārī (t.t.), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kaherah: Dār al-Ḥadīth.
- Al-Dār Quṭnī ‘Alī bin ‘Umar (1993), *Sunan al-Dār Quṭnī*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turth al-‘Arabī.
- Al-Kasānī, ‘Alā al-Dīn Abī Bakr bin Mas`ūd (1997), *Badā’iṣ al-Ṣanā’i fī Tartīb al-Syarā’i*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Al-Nasā’i, Abū ‘Abd al-Raḥman bin Syu`ayb (1964), *Sunan al-Nasā’i*. Kaherah: Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.
- Al-Nawawī, Abū Zakariyā Maḥyū al-Dīn bin Syaraf (1995), *Kitāb al-Majmū’ Syaraḥ al-Muhadhdhab*. Kaherah: Dār al-Ihyā’ al-Turth Al-‘Arabī.
- Al-Qaraḍāwī (2004), *al-Sahwah al-Islāmiyah Bayna al-Ikhtilāf al-Masyru` wa al-Tafarruq al-Mazmum* (terj). Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Al-Qurṭubī, Abū `Abdullah Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī (1967), *al-Jāmi`i li-Aḥkām al-Qur’ān*. Beirut: Dār al-Kitāb al-Lubnāniyah.
- Ibn Ḥazm (t.t.), *al-Muḥallā*. Kaherah: Maktabah Dār al-Turth.
- Muslim (t.t.), *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kaherah: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.
- Wahbah al-Zuhaylī (1985), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*. Damsyik: Dār al-Fikr.
- Wahbah al-Zuhaylī (2001), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu`āṣir.

